

TERBITAN : DEWAN EKONOMI | INFO CUKAI

KELUARAN : JULAI 2026

**TAJUK : BAYARAN BALIK CUKAI:
CERMINAN KECEKAPAN PENTADBIRAN PERCUKAIAN
NEGARA**



Cukai Terlebihi Bayar dalam Sistem Taksiran

Dalam sistem percukaian Malaysia, bayaran balik cukai berlaku apabila jumlah cukai yang telah dibayar terlebih dahulu melebihi cukai sebenar yang dikenakan selepas pengiraan akhir dibuat bagi sesuatu tahun taksiran.

Keadaan ini lazimnya berlaku apabila sebahagian besar cukai dibayar lebih awal melalui mekanisme bayaran pendahuluan anggaran cukai. Bagi individu yang menerima pendapatan penggajian, potongan cukai dilakukan secara bulanan menerusi Potongan Cukai Bulanan (PCB). Sementara itu, individu yang mempunyai sumber pendapatan selain penggajian seperti perniagaan, sewaan dan royalti pula tertakluk pada bayaran ansuran cukai melalui CP500.

Bagi pembayar cukai dalam kategori syarikat, perkongsian liabiliti terhad (PLT), badan amanah dan koperasi, anggaran cukai dibuat menerusi borang CP204. Pengemukaan borang tersebut kini dilakukan secara elektronik menerusi e-CP204 yang membolehkan proses pematuhan cukai dijalankan dengan lebih efisien, telus dan berintegrasi dengan sistem percukaian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL).

Kaedah ini penting bagi memastikan kutipan hasil negara berlaku secara konsisten sepanjang tahun tanpa perlu membebankan pembayar cukai untuk membuat bayaran, sekali gus pada penghujung tahun taksiran. Pada masa yang sama, pendekatan tersebut membantu kerajaan mengurus aliran hasil negara secara lebih tersusun dan stabil.

Walau bagaimanapun, sifat anggaran dalam mekanisme tersebut menyebabkan jumlah cukai yang dibayar tidak semestinya menyamai cukai sebenar selepas semua pelepasan, rebat dan pelarasan diambil kira. Oleh itu, lebihan bayaran boleh berlaku apabila pengiraan akhir menunjukkan tanggungan cukai sebenar lebih rendah daripada jumlah yang telah dibayar terlebih dahulu.

Ketepatan Maklumat dan Kelancaran Pemprosesan

Dalam pengurusan bayaran balik cukai, ketepatan maklumat merupakan aspek yang sangat penting. Sistem percukaian moden bukan sahaja bergantung pada teknologi pemprosesan, malah turut bergantung pada ketepatan data yang dikemukakan oleh pembayar cukai.

Ketepatan maklumat khususnya yang berkaitan dengan pengisytiharan jenis pendapatan dan nombor akaun bank menjadi faktor penting dalam memastikan kelancaran proses bayaran balik cukai. Kesilapan maklumat bukan sahaja boleh melambatkan pemprosesan, malah berpotensi menyebabkan bayaran gagal dikreditkan ke akaun pembayar cukai.

Selain itu, dalam keadaan tertentu, lebihan kredit cukai yang wujud boleh digunakan terlebih dahulu untuk menyelesaikan tunggakan cukai terdahulu atau menampung ansuran cukai semasa. Hal ini menunjukkan bahawa bayaran balik cukai berkait rapat dengan keseluruhan pengurusan akaun percukaian dan bukannya suatu urusan yang berdiri secara berasingan.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, Piagam Pelanggan HASiL menetapkan tempoh pemprosesan bayaran balik cukai hingga 30 hari bekerja bagi pengemukaan BNCP secara e-Filing dan hingga 90 hari bekerja bagi pengemukaan secara manual. Tempoh tersebut memperlihatkan usaha berterusan kerajaan untuk memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam melalui pendigitalan sistem percukaian.

HASiL sebelum ini turut memaklumkan bahawa bayaran balik cukai bagi Tahun Taksiran 2025 mula dikreditkan secara berperingkat bermula minggu kedua Mac 2026 kepada pembayar cukai yang layak dan telah selesai diproses selaras dengan pembukaan perkhidmatan e-Filing yang bermula pada 1 Mac 2026. Perkembangan ini mencerminkan komitmen berterusan institusi percukaian negara dalam memastikan hak pembayar cukai diurus secara lebih efisien dan teratur.



Bayaran Balik Cukai dalam Perspektif Fiskal

Dari sudut yang lebih luas, pengurusan bayaran balik cukai turut berkait rapat dengan kedudukan fiskal negara. Dalam sesetengah keadaan, khususnya melibatkan syarikat dan entiti perniagaan berskala besar, jumlah bayaran balik yang terlibat boleh mencecah nilai yang signifikan.

Oleh itu, pengurusanannya memerlukan pertimbangan yang seimbang antara keupayaan kewangan semasa kerajaan dengan tanggungjawab untuk memenuhi hak pembayar cukai. Kementerian Kewangan pada awal tahun ini turut menjelaskan bahawa bayaran balik cukai syarikat dilaksanakan mengikut keutamaan dengan mendahulukan kes tertunggak yang lebih lama.

Pendekatan tersebut memperlihatkan bahawa pengurusan bayaran balik cukai bukan sekadar urusan teknikal percukaian, sebaliknya turut berkait rapat dengan pengurusan aliran tunai dan disiplin fiskal negara. Dalam konteks ekonomi semasa yang menuntut ketelusan dan kecekapan institusi awam, keupayaan mengurus bayaran balik cukai secara sistematik menjadi indikator penting terhadap kredibiliti pentadbiran percukaian negara. Pada masa yang sama, keupayaan kerajaan mengurus bayaran balik cukai secara konsisten dan teratur turut mempengaruhi tahap keyakinan masyarakat terhadap sistem percukaian negara secara keseluruhan.

Meningkatkan Literasi Percukaian Masyarakat

Masyarakat sering melihat cukai dalam kerangka kewajipan membayar kepada kerajaan, sedangkan sistem percukaian moden turut melibatkan pelbagai mekanisme pelarasan yang memerlukan kefahaman lebih menyeluruh.

Bayaran balik cukai misalnya, memperlihatkan cara sistem percukaian berfungsi secara dinamik berdasarkan kedudukan sebenar pendapatan dan tanggungan cukai seseorang individu atau syarikat. Dalam hal ini, literasi percukaian tidak seharusnya terbatas kepada pengetahuan tentang kadar cukai, tatacara pengemukaan borang atau tarikh akhir pengemukaan borang semata-mata.

Sebaliknya, masyarakat perlu memahami peranan mekanisme seperti PCB, CP500 dan CP204, serta pelepasan cukai dan pelarasan kredit berfungsi dalam menentukan kedudukan cukai akhir mereka. Kefahaman tersebut penting bukan sahaja untuk mengelakkan kesilapan pengisytiharan, malah bagi membentuk budaya pematuhan sukarela yang lebih mapan.

Dalam jangka masa panjang, sistem percukaian yang diyakini masyarakat bergantung pada keseimbangan antara tahap pematuhan pembayar cukai dengan kecekapan institusi yang mentadbirinya. Dalam konteks tersebut, bayaran balik cukai bukan sekadar proses pemulangan lebihan bayaran, tetapi turut mencerminkan tahap integriti, kecekapan dan kebertanggungjawaban sistem percukaian negara.

Sebagai institusi yang bertanggungjawab mengurus pentadbiran percukaian negara, HASiL komited memperkukuh mutu penyampaian perkhidmatan agar sistem percukaian negara kekal relevan, cekap dan diyakini masyarakat. Komitmen tersebut penting bagi memastikan pengurusan hasil negara dapat dilaksanakan secara mampan selaras dengan keperluan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. 

